

PERUBAHAN PERLU DIFIKIR

Mahathir tidak mahu sebarang ekstrimis wujud

BH 31 AUG 1981

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan pimpinannya tidak akan membenarkan sebarang bentuk ekstrimis wujud di negara ini.

Kata beliau, untuk membendung perasaan ekstrimis itu, kerajaan memerlukan kerjasama rapat dari semua pihak.

Berucap merasmikan perayaan ulangtahun ke-58 dan perayaan Hari Kebangsaan Dewan Perhimpunan China Selangor di sini semalam, beliau berkata, pendapat yang terlalu lontang dibuat bagi kepentingan sesuatu kaum mungkin akan menyeying perasaannya kaum-kaum lain.

Ini akan menyusahkan kerajaan dalam usahanya mengekalkan keamanan dan ketenteraman di negara ini, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, meskipun terdapat sedikit perubahan dalam kerajaan pimpinannya, ia tetap memegang teguh kepada prinsip dan dasar yang telah lama berjaya di negara ini.

Beliau menegaskan, kerajaan akan terus mengamalkan sikap toleransi dan tidak berhasrat untuk mewujudkan pemerintahan kuku besi di negara ini.

Berat sebelah

Kerajaan, katanya, akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap desakan-desakan rakyat tetapi tidak mungkin dapat memenuhi seratus peratus kemahuan semua pihak.

Jika sesuatu kaum sahaja yang merasa puas hati dengan layanan seratus peratus Kerajaan maka bolehlah dianggap kerajaan berat sebelah.

Dengan adanya semua pihak tidak berpuas hati kerana kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan mereka sepenuhnya, ini membuktikan kerajaan menjalankan pentadbiran dengan adil dan saksama, katanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan

menyediakan lebih banyak dialog dengan rakyat untuk mengetahui secara terperinci masalah an kesulitan yang dihadapi mereka supaya dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan.

Beliau berharap pihak dewan itu akan terus memberikan pendapatnya mengenai masalah-masalah yang dihadapi negara samada secara langsung atau melalui dialog.

Menyentuh soal pindaan Akta Pertubuhan, Datuk Seri Dr. Mahathir, menjelaskan, pendapat berbau politik yang dikeluarkan oleh sesebuah badan itu tidak bermakna pertubuhan tersebut akan dianggap badan politik.

Beliau berharap dewan tersebut dapat terus memberi pendapat kepada kerajaan mengenai masalah yang mungkin dapat ditafsirkan sebagai bidang politik, di samping tugas-tugas kebajikannya.

Bagaimanapun beliau berharap, dalam mengemukakan desakannya, dewan tersebut perlu memikirkan ada kaum-kaum lain yang ada hak di negara ini.

Mereka akan merasa tersinggung jika sesuatu kaum hanya memikirkan kepentingan kaum itu semata-mata, katanya.

Sebelum itu presiden dewan tersebut, Tan Sri Lee Yan Lian berikrar untuk menyokong penuh tekad kerajaan baru untuk mewujudkan satu pentadbiran yang cekap dan bersih.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Dr. Siti Hasmah di dewan itu disambut meriah oleh ahli dewan dengan tarian singa dan pertunjukan-pertunjukan lain.

Antara yang hadir di perjumpaan itu termasuk Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dan bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin. — Bernama.

Berucap merasmikan konvensyen sehari MCA Wilayah Persekutuan di sini hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan Kerajaan tidak boleh menerima permintaan mana-mana golongan yang mahukan perubahan kepada sistem pemerintahan negara.

Beliau mengingatkan, sebarang perubahan hendaklah difikirkan akibat baik dan buruknya dan ia diterima oleh rakyat semua kaum di negara ini.

Beliau berkata di bawah sistem yang diamalkan sekarang, negara mampu mencapai kemajuan dan kesejahteraan untuk rakyatnya kerana rakyat menerima keadaan dan berusaha mengurangkan konflik di kalangan mereka.

"Sebarang perubahan untuk kebaikan negara hendaklah difikirkan baik buruknya," ujar beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut keadaan di beberapa buah negara yang tidak stabil dan kacar kacir setelah mereka menerima perubahan yang dicadangkan oleh orang lain.

Masalah kaum

Katanya, orang-orang luar bijak berkata mengenai cara mana sesebuah negara harus ditadbirkan dan mencadangkan cara yang mereka sukai.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan lagi, perubahan tidak harus diminta kerana inginkan sesuatu perubahan kerana ia akan mengakibatkan kehancuran dalam masyarakat itu sendiri.

"Kita harus berfikir jika ia perlu, kerana sistem yang diamalkan hari ini telah membawa kita di tempat kita berada sekarang," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, formula yang diamalkan sekarang berjalan baik dan para pemimpin negara menyedari had-had tertentu dan menimbang faktor-faktor lain hingga membolehkan negara maju di luar jangkaan.

"Kita telah menghadapi masalah kaum yang serius dalam peristiwa 13 Mei, tetapi kita berjaya mengujudkan kermanan seperti yang ada hari ini," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan keturunan China bahawa mereka adalah rakyat negara ini dan apa sahaja yang mereka perkatakan pasti didengar oleh orang luar dari masyarakat mereka.

"Seperti orang lain juga yang sensitif, mereka juga tidak boleh bercakap kepada sesuatu golongan yang dipilih," tambah beliau.

Perdana Menteri mengajak rakyat merenung kembali sejarah di saat-saat negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lalu.

"Bila kita mencapai kemerdekaan, kita berganding bahu antara satu sama lain dan menerima hakikat yang ada," katanya.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr. Mahathir selepas 24 tahun menikmati kemerdekaan, kita melihat betapa perubahan yang mengkagumkan berlaku.

"Kita mampu tadbir negara dengan baik dan menikmati kemajuan yang tiada tolok bandingnya di dunia ini," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, sistem kerajaan campuran di negara ini adalah unik dan ia dibentuk sebelum pilihanraya, bukan selepasnya.

"Ia bukan kerana ketidakmampuan kerajaan, tetapi semangat ingin bekerja bersama menyebabkan ia terjadi," tegasnya.